

Olimpiad Linguistik Asia Pasifik Kelapan

29 Mac – 12 April 2026

Soalan

- Dengar dan ikut arahan pegawai pertandingan.
- Pertandingan ini berlangsung selama lima jam. Set soalan mengandungi enam halaman dan lima soalan. Anda boleh menyelesaikan soalan dengan sebarang cara.
- Anda tidak dibenarkan menggunakan sebarang peranti elektronik, bahan bertulis atau bercetak, atau sumber informasi luaran lain ketika pertandingan.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang soalan, angkat tangan anda dan tanyakan kepada pengawas pertandingan. Pengawas pertandingan akan merujuk kepada juri sebelum menjawab.
- Syarat untuk menulis jawapan:
 - Jangan ulang semula pernyataan dalam soalan.
 - Tuliskan jawapan kepada setiap soalan menggunakan helaian kertas berbeza.
 - Gunakan hanya muka hadapan kertas jawapan.
 - Pada setiap helaian kertas, tuliskan nama anda, nombor soalan, dan turutan halaman untuk soalan tersebut, contohnya:

Nama	...	Nama	...	Nama	...
Soalan #	5	Soalan #	5	Soalan #	5
Halaman #	1 / 3	Halaman #	2 / 3	Halaman #	3 / 3

bermaksud helaian pertama, kedua, dan ketiga, dari tiga helaian untuk soalan kelima.

Jika tidak, hasil kerja anda mungkin akan tersisih atau terpisah.

- Melainkan dinyatakan sebaliknya, anda perlulah menerangkan setiap atau peraturan yang anda kenalpasti dalam data. Jika tidak, jawapan anda tidak akan diberi markah penuh.

Soalan-soalan pertandingan mestilah tidak dihebahkan sehingga soalan-soalan tersebut dipaparkan dalam laman rasmi APLO <https://aplo.asia>. Jangan hebahkan atau bincangkan soalan-soalan secara atas talian sehingga tarikh tersebut.

Soalan

Soalan 1 (20 markah). Berikut adalah beberapa kata kerja dalam Ja'a Kumiai dan semua terjemahan Bahasa Malaysia yang mungkin:

ʔij	<i>saya berikan ia kepada dia</i>	ʔua:	<i>saya membuat dia pergi</i>
a:	<i>dia pergi</i>	kuamp	<i>buatkan dia berjalan!</i>
map	<i>saya mahukan dia</i>	mij	<i>awak berikan ia kepada dia</i>
mnʔij	<i>mereka berikan ia kepada awak</i>	mxuʔtup	<i>dia membuat kamu melompat</i>
nua:	<i>kita membuat dia pergi</i>	ɲkmʔap	<i>mahukan saya!</i>
ɲmnuʔa:	<i>kamu semua membuat saya pergi</i>	ɲnʔar	<i>dia mencuri saya</i>
xtup	[<i>saya melompat</i> <i>dia melompat</i>]	namp	[<i>kita berjalan</i> <i>mereka berjalan</i>]
ɲnar	<i>saya curi kamu</i>	ɲnma	<i>kita mahukan kamu</i>

Sesetengah entri sebahagiannya dikaburkan oleh dakwat yang tumpah.

(a) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia:

1. ʔamp
2. mnua:
3. ɲnmʔap

Terdapat hanya satu terjemahan yang mungkin bagi setiap item.

(b) Kata-kata kerja berikut mempunyai kesilapan:

4. ɲʔa:
5. kuʔamp

Tambah satu huruf kepada setiap daripadanya untuk menjadikannya betul, dan kemudian terjemahkan kepada Bahasa Malaysia.

(c) Terjemahkan ke dalam bahasa Ja'a Kumiai:

- | | |
|----------------------------------|---------------------------------------|
| 6. <i>saya pergi</i> | 10. <i>kamu mencuri dia</i> |
| 7. <i>kita pergi</i> | 11. <i>mereka mahukan awak</i> |
| 8. <i>buatkan saya melompat!</i> | 12. <i>dia berikan ia kepada saya</i> |
| 9. <i>kamu semua berjalan</i> | |

△ Bahasa Ja'a Kumiai tergolong dalam keluarga Yuman . Ia dituturkan oleh 4 orang di Mexico.

ʔ disebut dengan menyekat saluran udara pada tekak secara ringkas, seperti pada pertengahan bagi *ma-af*. ɲ dan x ialah huruf-huruf konsonan. Tanda [ː] selepas suatu huruf vokal menunjukkan bahawa ia disebut panjang.

— Arul Kolla

Soalan

Soalan 2 (20 markah). Berikut adalah beberapa ayat dalam Hiaki dan terjemahannya dalam Bahasa Malaysia:

- | | |
|--|--|
| 1. u'u te:ko bwi:kan | <i>Ketua itu sedang menyanyi.</i> |
| 2. huhusai mi:sim bwa:nak | <i>Beberapa kucing coklat telah menangis.</i> |
| 3. u'u chukui se:wa ponwak | <i>Bunga hitam itu telah dipukul.</i> |
| 4. ume vakochim bwa:nak | <i>Ular-ular itu telah menangis.</i> |
| 5. chu:'u ume mosenim bwanria | <i>Seekor anjing menangis untuk penyu-penyu laut.</i> |
| 6. tosai va:kot uka husai misita ponne | <i>Seekor ular putih akan memukul kucing coklat itu.</i> |
| 7. mo:sen usita uka sewata ponria | <i>Penyu laut memukul bunga itu untuk seorang kanak-kanak.</i> |
| 8. bwanwan | <i>Seseorang sedang menangis.</i> |

Berdasarkan data di atas, seorang ahli linguistik telah menterjemahkan ayat-ayat berikut tetapi telah membuat beberapa kesilapan:

- | | | |
|-------------------------------|---|--|
| 9. u'u u:si wikitta ponriawa | — | Salah: <i>Kanak-kanak itu dipukul untuk seekor burung.</i>
Betul: <i>Seseorang memukul seekor burung untuk kanak-kanak itu.</i> |
| 10. u'u va:kot usita ponriawa | — | Salah: <i>Ular itu dipukul untuk seorang kanak-kanak.</i>
Betul: <i>Seseorang memukul seorang kanak-kanak untuk ular itu.</i> |

(a) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia:

11. u:si bwi:kak
12. mo:sen ponwa
13. u'u wi:kit uka mosenta bwanriane
14. ume te:kom totsai se:wam po:na

(b) Terjemahkan ke dalam bahasa Hiaki:

15. *Seekor burung sedang memukul ketua.*
16. *Burung-burung hitam itu menyanyi untuk kanak-kanak.*
17. *Seseorang sedang memukul anjing coklat untuk kucing itu.*

△ Bahasa Hiaki tergolong dalam keluarga Uto-Aztec . Ia dituturkan oleh sekitar 20,500 orang di negeri Sonora di Mexico dan di Arizona, Amerika Syarikat.

bw, **ch** dan ['] ialah huruf-huruf konsonan. Tanda [:] selepas suatu huruf vokal menunjukkan bahawa ia disebut panjang. — Kazune Sato, Tsuyoshi Kobayashi

Soalan

Soalan 3 (20 markah). Berikut ialah nombor-nombor Ngiti dari 1 hingga 10, diberikan dalam susunan abjad:

arɯ arɯbhɯ arɯgyetdi atdi aza imbo ibhɯ idre ifɔ ɔɔ

Untuk nombor-nombor melebihi 10, bahasa Ngiti mempunyai dua sistem berbeza: satu sistem tradisional dan satu lagi sistem yang dibangunkan baru-baru ini. Jadual di bawah menunjukkan sebilangan nombor melebihi 10 dalam kedua-dua sistem dengan nilai yang sepadan. Mereka disenaraikan dalam tertib menaik.

sistem tradisional	sistem baru	nilai
otsivi		
	idre dɔna ɔɔ na	
otsi dɔ atdi		
ɔɔi	idre dɔna aza na	
(A)	idre dɔna arɯgyetdi na	
arotsivi		23
adzoro dɔ atdi	ɔɔ kumi dɔna arɯgyetdi na	
(B)	ifɔ kumi dɔna arɯbhɯ na	
wadhɨ dɔ wadhɨvi	(C)	
ɔɔ wadhɨ dɔ otsi	arɯbhɯ kumi dɔna aza na	
(D)	arɯgyetdi kumi	
ibhɯ wadhɨ dɔ adzorovi	mɨya dɔna ɔɔ kumi dɔna ibhɯ na	
ifɔ wadhɨ dɔ ɔɔi dɔ ɔɔ	(E)	146
imbo wadhɨ dɔ idre	(F)	
arɯbhɯ wadhɨ dɔ aba dɔ atdi	ɔɔ mɨya dɔna ifɔ kumi dɔna imbo na	
(G)	ɔɔ mɨya dɔna arɯ kumi na	
(H)	ibhɯ mɨya dɔna imbo na	305

Isi tempat kosong (A–H). Tiada jawapan diperlukan di bahagian yang berlorek.

△ Bahasa Ngiti tergolong dalam cabang Sudan Tengah dalam keluarga Nilo-Saharan. Ia dituturkan oleh sekitar 85,000 orang di Republik Demokratik Congo. Kini, hanya beberapa orang warga tua yang masih mengingati sistem nombor tradisionalnya.

ɛ, i, ɔ dan ɯ ialah huruf-huruf vokal. Walaupun bahasa Ngiti mempunyai ton, tanda ton tidak ditunjukkan demi memudahkan soalan ini.

— Minkyu Kim, Vlad A. Neacșu

Soalan

Soalan 4 (20 markah). Berikut adalah beberapa ungkapan dalam Lulamogi dan terjemahannya dalam Bahasa Malaysia:

βatólóka	<i>mereka melarikan diri</i>
tíβálikukyaagálá	<i>mereka bukan sedang mencarinya</i>
βálikutuvunáánízyá	<i>mereka sedang berikan kita tanggungjawab</i>
tiβasééhúliká	<i>mereka tidak berhijrah</i>
titúkihalákátá	<i>kita tidak mengikisnya</i>
alikuβálá	<i>dia sedang mengira</i>
aalya	<i>dia makan</i>
túlikugwá	<i>kita sedang jatuh</i>
tyalíkuβakuléémbéla	<i>dia bukan sedang memimpin mereka</i>
tufúkámíla	<i>kita melutut</i>
βálikwagálá	<i>mereka sedang mencari</i>
tyaβiikúlá	<i>dia tidak mendedahkan (sesuatu)</i>
tyaagwá	<i>dia tidak jatuh</i>
títúlikuseehúliká	<i>kita bukan sedang berhijrah</i>
túmwaazíka	<i>kita meminjamkan (sesuatu) kepadanya</i>
βátukuléémbéla	<i>mereka memimpin kita</i>

(a) Tandakan ton yang betul:

1. **tumutya** *kita takut dia*
2. **tíβalikwanzulula** *mereka bukan sedang memanjangkan (sesuatu)*
3. **titwoonoona** *kita tidak merosakkan (sesuatu)*
4. **alikutusiβa** *dia sedang mengikat kita*
5. **βaholoota** *mereka berdengkur*

(b) Terjemahkan ke dalam bahasa Lulamogi:

6. *dia tidak merosakkan dia*
7. *kita beri mereka tanggungjawab*
8. *kita tidak memanjangkan (sesuatu)*
9. *mereka sedang melarikan diri*
10. *dia tidak takut*

△ Lulamogi tergolong dalam kumpulan Bantu bagi keluarga Atlantic-Congo. Ia dituturkan oleh sekitar 185,000 orang di Uganda.

β, w dan y ialah huruf-huruf konsonan. Huruf vokal berganda disebut panjang. Bahasa Lulamogi mempunyai dua ton: tanda ˈ di atas huruf vokal menandakan ton tinggi, manakala ton rendah tidak ditandakan.

Soalan

Soalan 5 (20 markah). Berikut adalah beberapa perkataan dan frasa dalam Bangime dan terjemahannya dalam Bahasa Malaysia:

à bìì ⁿ	<i>kambing itu</i>	ɖzèndzɛ́	<i>buaya</i>
à gàrìbù	<i>pengemis itu</i>	màà ɖzéndzè	<i>buaya dia</i>
tùùré	<i>dubuk</i>	ɖzèndzéndè	<i>buaya-buaya</i>
ā tūūrè	<i>dubuk itu</i>	àà màà ɖzéndzéndè	<i>buaya-buaya kamu semua</i>
à kwàà	<i>leher itu</i>	kwāāndè	<i>leher-leher</i>
máá bújágíndè	<i>jambu-jambu batu saya</i>	nì màā kwàāndé	<i>leher-leher mereka</i>
tājíndè	<i>bakul-bakul jerami</i>	bùtígé	<i>landak</i>
tāārè	<i>labah-labah (tunggal)</i>	ā bütígè	<i>landak itu</i>
máá tààrè	<i>labah-labah (tunggal) saya</i>	àà bütígè	<i>landak kamu</i>
à dijàndé	<i>kampung-kampung itu</i>	pìjèw	<i>burung enggang</i>
màā dijà	<i>kampung dia</i>	àā pìjèw	<i>burung enggang kamu</i>
tùndúró	<i>kisah</i>	nè màā pìjèwndé	<i>burung-burung enggang kita</i>
màà túndúróndè	<i>kisah-kisah dia</i>	màà kwáábéndè	<i>sukulen-sukulen dia</i>

Terjemahkan ke dalam bahasa Bangime:

- | | |
|-------------------------------------|----------------------------------|
| 1. <i>kampung</i> | 6. <i>dubuk saya</i> |
| 2. <i>kambing-kambing</i> | 7. <i>dubuk-dubuk kamu semua</i> |
| 3. <i>kambing dia</i> | 8. <i>pengemis-pengemis itu</i> |
| 4. <i>labah-labah (tunggal) itu</i> | 9. <i>bakul jerami mereka</i> |
| 5. <i>jambu batu itu</i> | 10. <i>sukulen kita</i> |

△ Bangime adalah suatu asingan bahasa. Ia dituturkan oleh sekitar 3,500 orang di selatan Mali. Bahasa Bangime mempunyai tiga ton: tinggi (´), pertengahan (¯), dan rendah (`).

ɖz ialah huruf konsonan. ε ialah huruf vokal. Huruf vokal berganda disebut panjang. Tanda ⁿ selepas suatu huruf vokal menunjukkan bahawa ia disebut dengan sengau.

Dubuk, *burung enggang* dan *landak* ialah haiwan. *sukulen* ialah tumbuhan. *Jambu batu* ialah buah.

— Panawat Tiacharoen, Faraz Ahmed

Ketua Editor: Panawat Tiacharoen

Editor-editor: Faraz Ahmed, Shinjini Ghosh, Jianxing He, Zdravko Ivanov, Jerome Jochems, Minkyu Kim, Tsuyoshi Kobayashi, Arul Kolla, Tamila Krashtan, Vlad A. Neacșu, Dana Ospanova, Leonardo Paillo, Tung-Le Pan, Alexander Piperski, Deeraj Pothapragada, Kazune Sato, Sarah Toor, Ji Hun Wang, Jaeyeong Yang

Teks Bahasa Malaysia: Khairul Anwar, Tung-Le Pan

Selamat menjawab!